



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PERLUASAN SISTEM PENGAKUAN SALAH KES SAMAN TRAFIK SECARA
DALAM TALIAN (SISTEM e-PG) DI BEBERAPA MAHKAMAH MAJISTRET NEGERI**

Badan Kehakiman Malaysia telah pun melancarkan Sistem Pengakuan Salah Kes Saman Trafik Secara Dalam Talian (Sistem e-PG) secara rintis di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur, Putrajaya, Selangor dan Negeri Sembilan bermula 1 April 2021.

Lanjutan daripada itu, Sistem e-PG ini seterusnya akan diperluaskan secara menyeluruh yang melibatkan Mahkamah-Mahkamah Majistret bagi Negeri Johor pada 25 November 2021, Mahkamah-Mahkamah Majistret bagi Negeri Melaka dan Pahang pada 2 Disember 2021, Mahkamah-Mahkamah Majistret bagi Negeri Perak pada 9 Disember 2021, Mahkamah-Mahkamah-Majistret bagi Negeri Pulau Pinang, Kedah dan Perlis pada 16 Disember 2021 serta Mahkamah-Mahkamah Majistret bagi Negeri Terengganu dan Kelantan pada 23 Disember 2021.

Sehubungan itu, Orang Kena Saman (OKS) yang mempunyai kes yang didaftarkan di Mahkamah-Mahkamah tersebut boleh mengakses Sistem e-PG di <https://ecourt.kehakiman.gov.my> pada tarikh sebutan pertama kes. OKS juga boleh menyemak senarai kausa kes dan semakan status pendaftaran kes saman trafik secara dalam talian melaluipautan <https://ecourtservices.kehakiman.gov.my/CauseList> dengan memasukkan lokasi Mahkamah serta tarikh sebutan kes.

Orang awam dan peguam yang berhasrat untuk memahami tatacara prosiding dan menggunakan Sistem e-PG dengan lebih lanjut, boleh melayari Portal Rasmi Badan Kehakiman Malaysia di www.kehakiman.gov.my atau menghubungi e-mel dan talian berikut:

e-mel: ecourts.helpdesk@omesti.com

No. telefon: 03-27331313.

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 22 November 2021